

19 MAY 1999

Osu-Penggiliran

OSU PERTAHAN KEPUTUSAN UMNO SABAH SUARAKAN PANDANGAN

KOTA KINABALU, 19 Mei (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam hari ini mempertahankan keputusan Umno Sabah untuk menyuarkan pandangan berhubung isu penggiliran jawatan Ketua Menteri di antara tiga kaum utama di Sabah.

Osu yang kini memegang jawatan Ketua Menteri berkata terdapat pihak yang tidak bersetuju sistem itu diteruskan sekiranya Barisan Nasional (BN) kalah pada pilihan raya negeri baru-baru ini, tetapi apabila mereka kalah, keadaan sebaliknya berlaku.

"Jadi mereka ada pendirian sendiri. Begitu juga dengan komponen-komponen parti BN lain, mereka boleh menyatakan pendirian. Tetapi, apabila orang Umno berbuat demikian... orang kata Umno yang mempunyai kelebihan kerusi tidak mahu sistem itu diteruskan dan melihat ini sebagai sesuatu yang tidak patut dikeluarkan," katanya.

"Saya fikir, dalam hal ini, Umno negeri pun berhak menyuarkan pandangan dan terserahlah kepada pucuk pimpinan untuk menentukan sama ada sistem itu diteruskan atau tidak," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di akhir lawatan dua hari ke Sabah minggu lepas bahawa sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu akan diteruskan.

"Kita telah berjanji untuk menggilir-gilirkan jawatan Ketua Menteri dan kita pegang kepada janji itu," katanya.

Sistem itu dicadangkan oleh Perdana Menteri sebelum pilihan raya negeri Feb 1994, bagi memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam, untuk menerajui kerajaan negeri, masing-masing untuk tempoh dua tahun.

Sistem itu dimulakan oleh Umno dengan pelantikan Tan Sri Sakaran Dandai (sekarang Tun) sebagai Ketua Menteri pada Mac 1994 dan kemudian digantikan oleh Datuk Salleh Tun Said pada Disember tahun yang sama apabila Sakaran dilantik Yang Dipertua Negeri.

Salleh kemudiannya digantikan oleh Datuk Yong Teck Lee pada Mei 1996 bagi mewakili masyarkat Cina dan kemudian digantikan oleh Tan Sri Bernard Dompok bagi mewakili kaum bumiputera Bukan Islam pada 28 Mei tahun lepas.

Selepas pilihan raya negeri Mac lepas, Pengerusi Badan Perhubungan Negeri Datuk Osu Sukam dilantik sebagai Ketua Menteri yang baru bagi mewakili Bumiputera Islam ekoran kegagalan Dompok mempertahankan kerusinya di Moyog.

-- BERNAMA

NT zb